

# **AKIDAH AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMAAH DI MALAYSIA: *CABARAN DAN ISU KONTEMPORARI***

Editor

Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali  
Mohamad Nasrin Mohamad Nasir  
Muhammad Yusuf Khalid  
Mohd Rushdan Mohd Jailani



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

# AKIDAH

AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMAAH  
DI MALAYSIA:

CABARAN DAN ISU KONTEMPORARI



**AKIDAH**  
**AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMAAH**  
**DI MALAYSIA:**  
**CABARAN DAN ISU KONTEMPORARI**

**Editor:**

Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali  
Mohamad Nasrin Mohamad Nasir  
Muhammad Yusuf Khalid  
Mohd Rushdan Mohd Jailani

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
2012

**CETAKAN PERTAMA 2012**

© Hak cipta Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Hak cipta terpelihara, tidak dibenarkan mencetak ulang semula mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, CD atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Penerbit USIM terdahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

**FAKULTI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN**

Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai

71800 Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel: 06-798 8403/8245/8246 Faks: 06-798 8244

[dekanfkp@usim.edu.my](mailto:dekanfkp@usim.edu.my)

<http://fkp.usim.edu.my>

Dicetak di Malaysia oleh:

Penerbit UKM

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

43600 UKM, Bangi, Selangor

Tel : 03-8921 5371 | 3072 Faks : 03-8925 4575

[penerbit@ukm.my](mailto:penerbit@ukm.my)

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Akidah ahl al-Sunnah wa al-Jamaah di Malaysia : cabaran dan isu kontemporari

/ editor : Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali...[et al.]

ISBN 978-967-0393-60-5

1. Islamic sects. 2. Islam--Doctrines. 3. Sunnites--Doctrines.

I. Wan Mohd. Fazrul Azdi Wan Razali.

297.2041

Reka Cipta Kulit Buku oleh Al Imran Azmi



## SENARAI KANDUNGAN

.....



PRAKATA	7
PENDAHULUAN	9
<i>MANHAJ AL-SIFATIYYAH: PENDEKATAN ILMU KALAM SUNNI DALAM MENGENAL RABB AL- IZZAH</i>	15
Mohd Hamidi Ismail	
<i>AL-MUTASHABIHAT MENURUT AHLI SUNNAH WAL JAMAAH</i>	25
Wan Haslan Wan Khairuddin	
<i>ILMU AKIDAH MENURUT YUSUF AL-QARADAWI</i>	43
Mohd Rumaizuddin Ghazali	
<i>PENGURUSAN AKIDAH: KEPENTINGANNYA DALAM KEHIDUPAN MUSLIM</i>	55
Mohd Radhi Ibrahim	
<i>ISU AKIDAH OLEH SISTERS IN ISLAM MALAYSIA (SIS) DALAM MEDIA</i>	63
Zulkiplé Abd Ghani dan Noor Amani Mohamed Hussin	
<i>CABARAN TAFSIRAN PLURALISME AGAMA TERHADAP AKIDAH ASHA'IRAH</i>	77
Wan Adli Wan Ramli, Mohd Fauzi Hamat dan Azmil Zainal Abidin	
<i>KALIMAH ALLAH: KAJIAN TERHADAP PERSPEKTIF ISLAM DAN KRISTIAN</i>	93
Mahmud Ahmad	

<i>APLIKASI DIALOG KEHIDUPAN DALAM GERAKAN KRISTIANISASI DI SELANGOR: SATU KAJIAN</i>	107
Khadijah Hambali	
<i>METODE KONTEKSTUALISASI KRISTIAN DAN KESANNYA KEPADA AKIDAH UMAT ISLAM</i>	129
Roslizawati Mohd Ramly	
<i>FAITH (IMAN) AND GOOD DEEDS ACCORDING TO THE SUNNITE SCHOOL OF THOUGHT: A SPECIAL ANALYSIS OF THE HANAFITE CONCEPTION OF FAITH</i>	137
Mohd Rosmizi Abd Rahman	
<i>الاستواء على العرش في ميزان أهل السنة والجماعة</i>	162
محمد رفاعي محمد أمين	
<i>تسامح الإسلام مع أهل الذمة في ضوء نصوص القرآن والسنة</i>	182
مصباح منصور موسى مطاوع	
<i>SENARAI INDEKS</i>	183
<i>BIODATA PENULIS</i>	187



## PRAKATA

---



Bismillahir Rahmanir Rahim,

Segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam buat Rasul contoh terbaik manusia keseluruhannya. Seterusnya kepada para ahli keluarga Baginda SAW, sahabat *Ridhwan Allahu Alayhim*, para *tabi'in* dan *tabi' al-tabi'in* yang mengikuti dengan ihsan segala tunjuk ajar Baginda SAW.

Firman Allah SWT dalam Surah *Al-Hujurat* 49: ayat 15, yang bermaksud: "*Sesungguhnya orang-orang yang beriman, hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjihad dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah, mereka itulah orang-orang yang benar.*"

Hakikatnya, perkara iman adalah antara perkara paling halus dan seni untuk dibincangkan oleh sesiapa pun. Namun begitu, seperti yang digambarkan dalam maksud ayat suci di atas, *mazhar* dan kesan daripada *al-Iman al-Sahih* yang berbenih dalam diri setiap muslim dapat melahirkan mereka yang sangat kukuh pandangan sarwa Islam serta kuat beramal untuk pembangunan agama, bangsa dan negara.

Sejajar dengan usaha untuk memasyarakatkan ilmu ini, Program Pengajian Akidah dan Agama di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan telah menerbitkan buku yang bertajuk *Akidah Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamaah Di Malaysia: Cabaran Dan Isu Kontemporari*. Perbincangan yang dimuatkan dalam buku ini adalah sangat baik kerana merangkumi isu teoretikal dan praktikal berkenaan Akidah Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamaah Di Malaysia. Malah beberapa isu kontemporari turut dikongsikan oleh sebahagian penulis untuk menggambarkan beberapa cabaran yang dihadapi dalam upaya untuk meninggikan syiar Islam di Malaysia seperti gerakan Kristianisasi, fahaman pluralisme agama, isu ayat mutashabihat, toleransi antara agama dan cabaran-cabaran lain.

Kepada para penyumbang artikel dan kumpulan editor, saya mengucapkan tahniah dan syabas atas usaha yang telah disumbangkan. Usaha mereka ini semua adalah kesinambungan kepada penjaan konsep pengembangan ilmu pengetahuan seperti yang telah dianjurkan oleh *Khayr Al-Anam* SAW. Semoga usaha ini akan menjadi sumbangan positif kepada pembangunan, kefahaman dan kesatuan Islam di Malaysia dalam paradigma Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamaah yang telah lama bertapak kukuh di nusantara ini seperti kata Imam Al-Tahawi *rahmatullahi ta'ala alayhi*: *ونرى الجماعة والفرقة زيغا وعذابا* *وحقا وصوابا*, yang bermaksud kita melihat *Al-Jama'ah* adalah benar dan betul, dan berpecah itu sesat dan mengazabkan.

*Wa Sallallahu 'Ala Sayyidina Muhammad, Walhamdulillahi Rabbil Alamin.*

**PROFESOR DR. ZULKIPLE ABD GHANI**

Dekan,

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



## PENDAHULUAN



الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى أزواجه وآله وأصحابه التابعين، وتابعي التابعين لهم بإحسان إلى يوم الدين. وقال الله تعالى: وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ وَصَّاكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ (القرآن الكريم، سورة الأنعام ٦: الآية ١٥٣)

Maksudnya: *Dan bahawa (yang Kami perintahkan) ini adalah jalan-Ku yang lurus, maka ikutilah dia; dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan (yang lain), kerana jalan-jalan itu menceraikan kamu dari jalan-Nya. Yang demikian itu diperintahkan Allah kepadamu agar kamu bertakwa.* (Al-Quran Al-Karim, Surah Al-An'am 6: Ayat 153)

Buku ini adalah himpunan beberapa artikel ilmiah terpilih yang telah dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah dan Agama 2011 (SIGMA 2011) yang bertempat di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai pada hari Sabtu, 10 Disember 2011 bersamaan 14 Muharram 1433 Hijrah.

Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah dan Agama 2011 (SIGMA 2011) ini merupakan seminar yang julung kali diadakan bagi mendedahkan para mahasiswa / mahasiswi tentang pemahaman Ilmu Usuluddin dan pengajian agama menurut kerangka Akidah Ahl Al-Sunnah wa Al-Jamaah. Di samping itu, seminar ini juga bertujuan menghimpunkan mahasiswa dan mahasiswi yang menuntut di IPTA dan IPTS serta para akademik di seluruh Malaysia dalam program Usuluddin, atau di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dikenali sebagai program Pengajian Akidah & Agama.

Terdapat 12 tajuk istimewa yang telah dimuatkan dalam buku ini yang merangkumi perbincangan berkenaan sejarah, metodologi dan isu-isu semasa yang berkaitan perkembangan Akidah Ahl Al-Sunnah wa Al-Jamaah di Malaysia. Malah, para penulis artikel ilmiah ini merupakan para sarjana tempatan dan antarabangsa, daripada pelbagai IPTA dan IPTS, yang aktif dalam dunia akademik, khususnya dalam bidang Usuluddin, Falsafah, Tasawwuf dan Perbandingan Agama.

Untuk artikel bertajuk "*Manhaj Al-Sifatiyyah: Pendekatan Ilmu Kalam Sunni Dalam Mengenal Rabb Al-'Izzah*," Mohd Hamidi Ismail telah membahaskan secara tuntas metodologi Akidah Ahl Al-Sunnah wa Al-Jamaah terutamanya daripada aliran ulama Al-Asha'irah. Metodologi atau manhaj ini terhasil daripada binaan ramai tokoh Mazhab Sunni dari seawal Imam al-Ash'ari, al-Baqilani, al-Isfarayini, Imam al-Haramayn, al-Ghazzali, al-Razi, Imam al-Maturidi, al-Bazdawi, al-Nasafi sehinggalah al-Taftazani, al-Jurjani, Ibn Hummam, al-Kawthari dan lain-lain, telah membuktikan betapa manhaj Mazhab Sunni telah meraih kedudukan yang tinggi dan diyakini autoritinya di persada akidah. Manhaj Mazhab Sunni ini telah berkurun lama bertapak, dikaji dan diperhalusi, dianuti dan didokong ilmuwan yang ramai, membuktikan manhaj ini telah mendahului kejituannya dalam membahaskan permasalahan akidah secara keseluruhannya.

Artikel "*Al-Mutashabihat menurut Ahli Sunnah wal Jamaah*" tulisan Wan Haslan membawa ke tengah isu mentafsir al-Qur'an mengikut pandangan kalam si pentafsir. Dalam artikel ini, penulis berhujah bahawa *al-mutashabihat* wajar ditafsirkan sebagaimana ditafsirkan oleh kebanyakan ulamak-ulamak Salaf. Ini bertentangan dengan pandangan golongan Wahabi dan salafi masa kini yang melarang pentafsiran ayat-ayat tersebut kerana dikatakan melanggar maksud ayat ke-7 surah *Ali 'Imran*. Penulis menjelaskan bahawa ulama berbeza pandangan dalam memahami makna 'wa' (dan) dalam ayat ini. Kedua-dua tafsiran membenarkan pentakwilan dilakukan dan dapat difahami di sini bahawa pentakwilan adalah dibenarkan oleh ulamak Salaf dan Khalaf. Seterusnya Wan Haslan membawa bukti-bukti di mana ayat-ayat mutashabihat ditakwilkan oleh Ibn Abbas RA yang merupakan seorang ulamak Salaf yang terkemuka. Menurut penulis, pandangan yang dikemukakan ini adalah bertepatan dengan ajaran akidah Ahl Al-Sunnah wa Al-Jamaah dan sewajarnya disebarkan dan dikukuhkan.

Dalam artikel bertajuk "*Ilmu Tauhid Menurut Yusuf Al-Qaradawi*" oleh Mohd Rumaizuddin Ghazali, penulis mempersembahkan manhaj Al-Qaradawi dalam ilmu tauhid yang boleh diringkaskan seperti berikut: menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utama, tidak terjebak dalam perbahasan-perbahasan akidah yang terlalu mendalam, mengambil faedah daripada ilmu pengetahuan kontemporari, mengikuti manhaj golongan salaf dalam masalah ketuhanan dan kritis terhadap pemikiran kaum orientalis, zindiq, komunis dan lain-lain. Secara ringkasnya, Al-Qaradawi membicarakan isu-isu akidah berdalilkan al-Quran dan al-Sunnah dengan pendekatan bahasa semasa, menghormati perbezaan ulama dan berlapang dada terutama dalam memahami ayat-ayat mutasyabihat.

Mohd Radhi Ibrahim, penulis artikel yang bertajuk "*Pengurusan Akidah: Kepentingannya Dalam Kehidupan Muslim*" berhujah mengenai kepentingan menguruskan akidah bagi setiap muslim. Bagi beliau, pengurusan akidah adalah perlu untuk mengelakkan kecelaruan berfikir. Ini akan dapat membolehkan seseorang mempunyai pemikiran atau pandangan jagat Islam (*worldview*) yang benar. Kelemahan umat Islam hari ini daripada segi moral dan akhlak adalah kerana tidak mempunyai pandangan alam yang benar. Ia juga menandakan umat Islam hari ini kurang menepati ciri pengamalan umat Islam terdahulu. Penulis mencadangkan beberapa cara mengenalpasti akidah yang sahih. Setelah itu penulis juga mencadangkan beberapa proses yang boleh dilaksanakan bagi memantapkan akidah seseorang. Hasil kemantapan akidah adalah keyakinan yang timbul. Akhlak dilihat sebagai manifestasi akidah yang berkaitan dengan ketaatan kepada Allah dan cinta kepada Rasul SAW. Seseorang yang mantap akidahnya akan juga berakhlak baik berdasarkan sunnah Rasul SAW.

Zulkiple Abd Ghani dan Noor Amani Mohamed Hussin melalui artikel yang bertajuk "*Isu Akidah Oleh Sisters In Islam (SIS) Dalam Media*," membincangkan tentang isu akidah yang dibawa oleh SIS yang dilihat agak mengelirukan umat Islam melalui medium media mereka. *Sisters In Islam* merupakan pertubuhan wanita yang bergerak aktif dan seringkali dikaitkan dengan beberapa isu akidah yang dilihat berbeza dengan ajaran Islam yang sebenar. Ini berdasarkan kepada tuntutan yang dibuat oleh mereka

terhadap kerajaan dan SUHAKAM dan mereka dilihat mampu membawa kesan buruk terhadap umat Islam.

Artikel yang bertajuk "*Cabaran Tafsiran Pluralisme Terhadap Akidah Asha'irah*" yang ditulisi oleh tiga orang penulis adalah sebuah artikel yang ringkas yang cuba menjelaskan dan sekaligus menyangkal pandangan atau tafsiran pluralisme agama. Mengikuti pandangan ketiga-tiga penulis, tafsiran pluralisme adalah suatu tafsiran yang bertentangan dengan akidah Asha'irah-Maturidiyyah yang dianuti oleh ulama-ulama Asia Tenggara. Setelah membuktikan kehadiran akidah Asha'irah sejak zaman awal Islam dan kebanyakan tulisan di dalam kitab jawi adalah berakidah sedemikian, artikel ini seterusnya menjelaskan betapa tafsiran pluralisme adalah berbeza dan bertentangan dengan ajaran tersebut. Pandangan tafsiran pluralisme diambil dari pandangan Anas Zubedy, penulis buku bertajuk *Can We Use Allah in the Bible? A Quranic Perspective* (2011). Isu penggunaan kalimah Allah merupakan isu utama yang dilihat sebagai slogan para pendokong tafsiran pluralisme agama. Kritikan diajukan dengan menampilkan tafsiran alternatif dari tafsiran yang digunakan oleh Zubedy dalam bukunya. Kritikan terhadap Muhammad Hashim Kamali, Nurcholish Majid dan Mohammad Shahrour juga diajukan oleh penulis-penulis makalah ini. Kesimpulannya mereka menolak sebarang usaha yang dianggap sebagai tafsiran pluralisme yang disampaikan oleh tokoh-tokoh yang disebut.

Dalam artikel yang bertajuk "*Kalimah Allah: Kajian Terhadap Perspektif Islam dan Kristian*" oleh Mahmud Ahmad daripada Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, isu kontemporari berkenaan penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian di Malaysia dibincangkan secara terperinci dan halus. Isu ini merupakan topik perbahasan dalam kalangan masyarakat Muslim disebabkan konflik tersebut melibatkan disiplin teologi dan akidah Islam. Tambahan lagi, pemahaman terhadap kalimah "Allah" oleh penganut Kristian perlu dijustifikasikan kerana kepercayaan mereka pada Tuhan berkonsepkan Trinitas sedangkan ianya secara terang-terangan bercanggah dengan konsep ketauhidan Allah SWT. Artikel ini melakukan perbandingan terhadap kefahaman antara Kristian dan Islam berkenaan epistemologi kalimah Allah SWT dan mencadangkan beberapa saranan yang terbaik untuk mengatasi kemelut antara penganut Islam dan Kristian ini.

Khadijah Hambali menerusi artikel beliau bertajuk "*Aplikasi Dialog Kehidupan dalam Gerakan Kristianisasi Di Selangor*," membahaskan beberapa isu yang berkait rapat dengan isu kontemporari Akidah di Malaysia. Artikel ini merupakan kajian awal terhadap gerakan Kristianisasi yang berlaku di sekitar Lembah Klang, Melaka, Seremban, Johor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak iaitu kota metropolitan yang menjadi tumpuan pelbagai masyarakat dan etnik Malaysia. Gerakan Kristianisasi ini disambut baik oleh segelintir masyarakat Muslim yang berpengalaman dalam menjalani dialog kehidupan bersama-sama masyarakat Muslim-non-Muslim tetapi amat 'kecewa' sama ada dengan kehidupan yang mereka lalui dan juga layanan yang 'keras' daripada pihak-pihak organisasi yang terbabit dengan masyarakat tersebut. Tuntasnya, keprihatinan dan sikap peka yang diperlihatkan oleh masyarakat Kristian dalam mendekati dan memahami keperluan hidup masyarakat Muslim, serta dimangkingkan pula dengan

pendekatan dialog kehidupan yang santai dan mesra, telah menambat hati segelintir golongan Muslim untuk mengiktiraf Kristian sebagai anutan baru mereka.

Seterusnya, Roslizawati Mohd Ramly menerusi artikelnya "*Metode Kontekstualisasi Kristian dan Kesannya kepada Akidah Umat Islam*" mempersembahkan beberapa cabaran yang dihadapi oleh kaum Muslimin di Malaysia berikutan daripada metod kontekstualisasi yang digunakan oleh para misionari Kristian. Kontekstualisasi merupakan satu pendekatan untuk menyesuaikan ajaran Gospel dengan budaya setempat. Dari sudut disiplin ilmu misiologi, kontekstualisasi merupakan satu usaha untuk menyampaikan mesej tentang pengorbanan dan kasih sayang tuhan (berita gembira) dalam bentuk yang relevan dan memberi makna dalam kehidupan golongan sasaran. Artikel ini akan menyenaraikan beberapa bentuk dan kesan metode ini dalam masyarakat Islam.

Artikel yang disediakan oleh Mohd Rosmizi menganalisa konsep iman dan kaitannya dengan amal yang baik mengikut pandangan beberapa Mazhab Sunni, terutamanya Hanafiyyah atau Maturidiyyah. Dalam hal ini, mazhab Hanafiyyah atau Maturidiyyah mempunyai pandangan yang berbeza dalam membahaskan perkaitan antara iman dan amal, berbanding beberapa mazhab yang lain. Dengan tajuk "*Faith (Iman) And Good Deeds According To The Sunnite School Of Thought: A Special Analysis Of The Hanafite Conception Of Faith,*" penulis berpendapat bahawa perselisihan pandangan yang dijumpai dalam pandangan mazhab Hanafiyyah atau Maturidiyyah dengan pandangan Mazhab Sunni yang lain tentang isu ini dapat didasari dengan meneliti konteks bid'ah yang telah dibuat oleh golongan Khawarij yang terlalu mudah mengafirkan pelaku dosa besar dan Murji'ah yang terlalu berwenang-wenang dengan pelaku dosa besar. Malah, penulis juga membuktikan bahawa tuduhan Murji'ah Sunni kepada mazhab Hanafiyyah atau Maturidiyyah adalah tidak benar dan dapat ditolak dengan penelitian rapi kepada semua doktrinnya secara holistik dan sempurna.

Dalam artikel bertajuk "*الاستواء على العرش في ميزان أهل السنة والجماعة*", Mohamed Rifai telah menghuraikan perspektif ulama Ahl Al-Sunnah wa Al-Jamaah berkenaan isu Allah SWT beristiwa' atas arasy. Untuk keluar daripada kemelut ini ulama Ahl Al-Sunnah wa Al-Jamaah mentakwil dalil-dalil berkenaan yang bersesuaian dengan dalil-dalil muhkamat yang lain dan bersesuaian dengan penerimaan akal yang sihat. Penulis mendapati bahawa golongan Ahl Al-Sunnah wa Al-Jamaah -Asyairah dan Maturidiyyah- menetapkan bahawa permasalahan Istiwa' mempunyai beberapa aspek dan perkataan Istiwa' mempunyai beberapa makna; di mana seorang muslim mesti memilih makna yang bersesuaian dengan keagungan dan kebesaran Allah SWT. Maka jelaslah bagi penulis bahawa golongan Musyabbihah telah tersilap dalam menentukan arah bagi Allah SWT iaitu arah 'di atas' menerusi fahaman mereka yang cetek terhadap ayat berkenaan.

Mosbah Mansour pula dalam artikelnya, menjelaskan berkenaan toleransi terhadap golongan zimmi dari perspektif Qur'an dan Sunnah menerusi artikel beliau yang bertajuk "*تسامح الإسلام مع أهل الذمة في ضوء نصوص القرآن والسنة*". Antara matlamat artikel ini ialah menonjolkan keistimewaan bahawa Islam itu adalah agama rahmat dan

bertolak ansur dengan semua pihak di semua tempat dan masa. Oleh yang demikian golongan zimmi menikmati keamanan dan perlindungan yang lengkap daripada umat Islam dan diberikan jaminan keselamatan kepada gereja dan agama mereka. Islam telah memberikan jaminan yang unik ini kepada golongan zimmi, di mana sejarah manusia tidak pernah dan tidak akan dapat menyaksikan seumpamanya.

Sidang editor berharap agar kesemua 12 artikel ilmiah yang telah dimuatkan dalam buku ini dapat memberikan gambaran yang hidup dan jelas berkenaan sejarah dan metodologi Akidah Ahl Al-Sunnah wa Al-Jamaah di Malaysia kepada semua pembaca. Malah, dengan isu-isu kontemporari yang turut disertakan dan dibincangkan dalam buku ini, sidang editor berharap dapat dijadikan panduan dan rujukan akademik oleh para pembaca. Akhir kalam, semoga usaha yang tidak seberapa ini dapat memberikan manfaat dunia dan akhirat kepada kesemua yang telah terlibat, termasuklah pihak pentadbiran Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, para mahasiswa / mahasiswi sehinggalah kepada para pembaca semua.

رَبَّنَا لَا تَزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَيْبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ( ٨ ) رَبَّنَا إِنَّكَ  
جَامِعُ النَّاسِ لِيَوْمٍ لَا رَيْبَ فِيهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُخْلِفُ الْمِيعَادَ ( ٩ ) ( القرآن الكريم، سورة آل عمران  
٣ : الآيات ٨ - ٩ )

Maksudnya: "Ya Tuhan kami, janganlah Engkau jadikan hati kami condong kepada kesesatan sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami rahmat dari sisi Engkau; kerana sesungguhnya Engkau-lah Maha Pemberi (kurnia)." (8) "Ya Tuhan kami, sesungguhnya Engkau mengumpulkan manusia untuk (menerima pembalasan pada) hari yang tak ada keraguan padanya". Sesungguhnya Allah tidak menyalahi janji. (9)

وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وأصحابه والتابعين، والحمد لله رب العالمين .

#### **SIDANG EDITOR,**

Program Pengajian Akidah dan Agama,  
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



## SENARAI INDEKS



### A

Abdul Halim Mahmud 45  
Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs 70  
Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama'ah 15-17, 21, 23, 25-29, 33, 34, 40, 78, 80  
Air Zamzam 102  
Akidah 7, 9-16, 34, 40, 43-48, 50-53, 55-61, 63-67, 73, 74, 77-89, 91, 95-103, 105-108, 129, 131-134, 187-189  
Al-Ash'ari 9, 79, 139, 140, 144  
Al-Awza'iy 50  
Al-Baihaqi 97  
Al-Baqilani 9, 17, 19  
Al-Bazdawi 9  
Al-Bukhari 16, 20-23, 28, 37, 39, 42, 44  
Al-Ghazzali 9, 16, 17, 19, 22-24  
Al-Haramayn 9, 19, 80  
Al-Isfarayini 9, 19  
Al-Jurjani 9, 22, 24  
Al-Kawthari 9  
Allah 5, 7, 9-13, 15-24, 30-42, 44-53, 56-60, 63, 65, 68, 70, 71, 77-80, 82-90, 93-106, 118, 122, 124, 127, 129, 131, 134, 145  
Al-Maturidi 9, 21, 23, 26-30, 40, 41, 144  
Al-Milal Wa Al-Nihal 16, 23, 144  
Al-Nasafi 9, 78, 80, 141, 142  
Al-Quran Al-Karim 9, 56, 61, 98, 104  
Al-Razi 9, 16, 17, 22, 24  
Al-Shahrastani 16, 23, 137, 138, 144  
Al-Taftazani 15  
Al-Taqrib Bayn Al-Madhahib 52, 53  
Amina Wadud 71  
Arab 17, 28, 33, 35, 42, 48, 49, 63, 68, 79, 81, 85, 89, 95, 97, 99  
Arianism 96  
Asma' 19, 21, 22, 97  
Asma' Al-Husna 19, 97  
Avatar 130

### B

Barat 63, 66, 74  
Bible 11, 82, 83, 87, 88, 90, 93-96, 102, 105, 115, 116, 129, 130, 132  
Buddha 69, 116

### C

Christian Federation Of Malaysia 131  
Church 93, 95, 102, 105, 120, 130, 134, 135

### D

Demokrasi 64, 67  
Dosa Warisan 94, 95, 103

### E

Enlightenment 63  
Epistemologi 11, 101

### F

Feminisme 67, 74, 75

### G

Gereja 13, 84, 85, 96, 107, 110-112, 114-118, 120-125, 129, 132, 133  
God The Father 82, 83, 96  
Gospel 12, 129, 130-132

### H

Haji Sa'id Haji Ibrahim 65  
Hanafi 28, 29, 48, 65, 144  
Hari Natal 132  
Hasanayn Muhammad Makhluaf 17, 23  
Hassan Al-Banna 48, 50  
Hassan Ayub 50  
Herald – The Catholic Weekly Paper 110  
Hindu 69, 116, 130  
Holy Water 102  
Humanisme 64, 66, 67

**I**

- Ibn Hazm Al-Zahiri 44  
 Ibn Hummam 9  
 Ibn Kathir 48  
 Ibn Rusyd 44  
 Ibn Taimiyyah 44  
 Ilmu Kalam 5, 9, 15, 20, 27, 29, 48, 55  
 Iman 6, 7, 12, 16, 22, 23, 43, 47, 49,  
 50, 53, 57, 65, 66, 68, 86, 105, 137,  
 139  
 Indonesia 66, 86, 91, 130, 132  
 Inklusivisme 66  
 Inter Faith Commission 69

**J**

- JAIS 129  
 JAKIM 67, 73, 75, 105  
 Jamaluddin Al-Qasimi 50  
 Jaringan Islam Liberal 66  
 Jerusalem 133  
 Jesus 93-96, 103, 105, 115, 121-123,  
 126, 127, 130, 132, 133, 141  
 Joint Action Group for Gender Equality  
 64, 76

**K**

- KH Husein Muhammad 68  
 Komunis 10, 44  
 Kontekstualisasi 6, 12, 129-135  
 Krishna 130  
 Kristian 5-7, 11, 12, 63, 69, 82-90, 93-  
 99, 101-108, 110-119, 121-127,  
 129-135

**L**

- Lafaz Jalalah 99  
 LGBT 70, 74  
 Liberalisme 69, 82

**M**

- Mahmud Al-Aqqad 44  
 Malaysia 5-7, 9, 11, 12, 41, 63-64, 66,  
 67, 69, 70, 72-76, 78-82, 84, 87,  
 89-91, 94, 101-103, 105-110, 112,  
 117-120, 129, 131-134, 187-189,  
 Maliki 28, 48

- Masjid 75, 81, 84, 85, 102, 132  
 MCCBCHS 69, 131  
 Miriam Cooke 67, 75  
 Misiologi 12, 129  
 Muhammad Al-Ghazali 45  
 Mukhtazilah 17, 22, 28-30, 45, 47, 49, 79  
 Musawah 64, 76  
 Mutasyabihat 10, 31, 44, 52

**N**

- Nabi Isa 48, 83, 86, 93, 94, 96, 97, 103,  
 132, 133  
 Nadim Al-Jisr 44  
 Norhayati Kaprawi 68, 75

**O**

- Orientalis 10, 44

**P**

- Perjanjian Baru 93-95, 108  
 Perjanjian Lama 94  
 Portugis 107, 131

**Q**

- Qawwamun 67, 71

**R**

- Rand Corporation 63  
 Rashid Reda 50

**S**

- Sahih Muslim 49, 53  
 Salaf 10, 16, 25, 30-32, 34, 35, 37, 39,  
 40, 42-45, 48, 50, 53  
 Second Wave Feminism 74  
 Sifat 15-23, 30, 31, 33, 35-37, 40, 43-  
 45, 48, 50-52, 55, 56, 64-68, 77,  
 78, 80, 82, 85, 88, 89, 94-97, 101,  
 106, 114, 125  
 Sisters in Islam 5, 10, 63, 66, 67, 76  
 Son Of God 96  
 SUHAKAM 11, 64, 69, 74, 76  
 Sunni 5, 9, 12, 15, 16, 20, 52, 83-88  
 Syafi'i 48  
 Syiah 26, 52

**T**

Taklif 125, 79  
 Tasamuh 9, 43, 47, 78, 187, 188  
 Taurat 88, 95  
 Thanksgiving 133  
 Trinititi 11, 93-97, 102-105, 133

**Y**

Yahudi 21, 63, 82-88, 90, 93, 94, 96,  
 99, 115, 116, 133  
 Yusuf Al-Qaradawi 5, 10, 43-45, 53

**Z**

Zainah Anwar 70-73, 75, 76  
 Zat 15-17, 19-22, 39, 79  
 Zindiq 10, 44



## BIODATA PENULIS



ZULKIPLE ABD GHANI adalah profesor dalam Program Da'wah dan Pengurusan Islam di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau mempunyai Sarjana Muda Dakwah dan Kepimpinan dengan kepujian (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Doktor Falsafah Pengajian Islam (Universiti Edinburgh). Kini, beliau adalah Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

MOHD RADHI IBRAHIM adalah Profesor Madya dalam Program Pengajian Akidah dan Agama di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau mempunyai Sarjana Muda Akidah dan Falsafah (Universiti Al-Azhar Al-Sharif), Sarjana Usuluddin dalam bidang Akidah dan Pemikiran Islam (Universiti Malaya) dan Doktor Falsafah Pengajian Islam (Universiti Edinburgh). Kini, beliau adalah Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar & Pengurusan Prestasi) di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

MUHAMMAD YUSUF KHALID adalah Profesor Madya dalam Program Da'wah dan Pengurusan Islam di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau mempunyai Sarjana Muda Da'wah (Universiti Islam Madinah), Sarjana Dakwah dan Kepimpinan (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Doktor Falsafah Dakwah dan Kepimpinan (Universiti Kebangsaan Malaysia). Kini, beliau adalah Penyelaras Pusat Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

KHADIJAH HAMBALI adalah Profesor Madya dalam Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM). Beliau mempunyai Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah dalam Usuluddin pengkhususan bidang Perbandingan Agama (Universiti Malaya).

MOSBAH MANSOUR MOUSA MOTAWEA adalah Profesor Madya dalam Program Da'wah dan Pengurusan Islam di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau mempunyai Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah dalam Usuluddin dan Falsafah dengan pengkhususan dalam bidang Akidah dan Da'wah. (Universiti Al-Azhar Al-Sharif).

MOHAMAD RIFAI MOHAMED AMEEN adalah Pensyarah Kanan dalam Program Pengajian Akidah dan Agama di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau mempunyai Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah dalam Usuluddin dan Falsafah dengan pengkhususan dalam bidang Akidah dan Tasawwuf (Universiti Al-Azhar Al-Sharif).

MOHD RUMAIZUDDIN GHAZALI adalah Pensyarah Kanan dalam Program Da'wah dan Pengurusan Islam di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau mempunyai Sarjana Muda Bahasa Arab (Universiti Al-Azhar Al-Sharif), Sarjana dan Doktor Falsafah dalam Usuluddin dengan pengkhususan dalam bidang Akidah dan Pemikiran Islam (Universiti Malaya).

MOHD RUSHDAN MOHD JAILANI adalah Pensyarah Kanan dalam Program Pengajian Akidah dan Agama di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau mempunyai Sarjana Muda Ilmu Berteraskan Wahyu dan Warisan dalam bidang Usuluddin dan Pemikiran Islam, Sarjana Pemikiran Islam (ISTAC, IUM) dan Doktor Falsafah Pengajian Islam (Universiti Exeter) dengan pengkhususan dalam bidang Tasawwuf dan Pemikiran Islam.

MOHAMAD NASRIN MOHAMAD NASIR adalah Pensyarah Kanan dalam Program Pengajian Akidah dan Agama di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Ijazah Sarjana Muda beliau adalah dalam bidang Industrial Design Engineering (Brunel University, UK). Beliau kemudiannya memperolehi ijazah Sarjana dalam bidang Islamic Studies (Islamic College, Central Middlesex University, UK) dan seterusnya mendapat PhD dalam bidang Pemikiran Islam (ISTAC, IUM). Artikel-artikel beliau banyak diterbitkan dalam bahasa Inggeris di Journal of Islamic Studies, Oxford (UK), Journal of Islamic Philosophy (US) dan al-Shajarah (ISTAC, IUM). Beliau juga sering dijemput menulis review kepada buku-buku akademik di Muslim World Book Review (UK).

MAHMUD AHMAD adalah Pensyarah Kanan dalam Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM). Beliau mempunyai Sarjana Ilmu Berteraskan Wahyu dan Warisan dalam bidang Usuluddin dan Perbandingan Agama (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia) dan Doktor Falsafah dalam Usuluddin pengkhususan bidang Perbandingan Agama (Universiti Malaya).

WAN ADLI WAN RAMLI adalah Pensyarah dalam Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM). Beliau mempunyai Sarjana Muda dan Sarjana Usuluddin dalam bidang Akidah dan Pemikiran Islam (Universiti Malaya), Doktor Falsafah Pengajian Islam (Universiti Wales).

WAN MOHD FAZRUL AZDI BIN WAN RAZALI adalah Pensyarah dalam Program Pengajian Akidah dan Agama di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau mempunyai Sarjana Muda Da'wah dan Pengurusan Islam dengan kepujian (USIM) dan Sarjana Ilmu Berteraskan Wahyu dan Warisan dalam bidang Usuluddin dan Perbandingan Agama (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia). Kini, beliau adalah Ketua Program Pengajian Akidah dan Agama di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

ROSLIZAWATI MOHD RAMLY adalah Pensyarah dalam Program Pengajian Akidah dan Agama di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau mempunyai Sarjana Muda Da'wah dan Kepimpinan dengan kepujian (UKM) dan Sarjana Pengajian Islam (Universiti Edinburgh).

MOHD ROSMIZI ABD RAHMAN adalah Tutor dalam Program Pengajian Akidah dan Agama di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau mempunyai Sarjana Muda dan Sarjana Ilmu Berteraskan Wahyu dan Warisan dalam bidang Usuluddin dan Perbandingan Agama (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).

WAN HASLAN WAN KHAIRUDDIN adalah Pensyarah dalam Jabatan Usuluddin di Akademi Islam, Kolej Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Beliau mempunyai Sarjana Muda Usuluddin dan Falsafah (Universiti Al-Azhar Al-Sharif) dan Sarjana Ilmu Berteraskan Wahyu dan Warisan dalam bidang Usuluddin dan Perbandingan Agama (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).

MOHD HAMIDI ISMAIL adalah Pensyarah dalam Jabatan Usuluddin di Akademi Islam, Kolej Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Beliau mempunyai Sarjana Muda Usuluddin dan Falsafah (Universiti Al-Azhar Al-Sharif) dan Sarjana Usuluddin dengan pengkhususan dalam bidang Akidah dan Pemikiran Islam (Universiti Malaya).



## **AKIDAH AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMAAH DI MALAYSIA: CABARAN DAN ISU KONTEMPORARI**

Buku ini adalah himpunan beberapa artikel ilmiah terpilih yang telah dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah dan Agama 2011 (SIGMA 2011) yang bertempat di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai pada hari Sabtu, 10 Disember 2011 bersamaan 14 Muharram 1433 Hijrah. Terdapat 12 tajuk istimewa yang telah dimuatkan dalam buku ini yang merangkumi perbincangan berkenaan sejarah, metodologi dan isu-isu semasa yang berkaitan perkembangan Akidah Ahl Al-Sunnah wa Al-Jamaah di Malaysia seperti cabaran gerakan Kristianisasi, feminisme, fahaman pluralisme agama, isu ayat mutashabihat, toleransi antara agama dan pelbagai cabaran lain. Para penulis artikel ilmiah ini merupakan para sarjana tempatan dan antarabangsa, daripada pelbagai IPTA dan IPTS yang aktif dalam dunia akademik, khususnya dalam bidang Usuluddin, Falsafah, Tasawwuf, Perbandingan Agama dan Dakwah. Buku ini sangat sesuai untuk dijadikan rujukan dan panduan berkenaan Akidah Ahl Al-Sunnah wa Al-Jamaah di Malaysia bagi golongan akademik dan juga masyarakat awam.

ISBN 978-967-0393-60-5



<http://penerbit.usim.edu.my>